

Barisan yakin pertahanan kerusi

BH 12 NOV 2000

Oleh ZAINUDIN ISA

KUALA LUMPUR: Barisan Nasional (BN) yakin dapat mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah kawasan Lunas pada pilihan raya kecil nanti, meskipun wujud masalah dalam Umno Bahagian Kuala Kedah.

Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata menjadi tradisi, setiap kali pilihan raya diadakan, semua anggota parti akan bersatu padu dan bekerja keras demi kemenangan BN.

"Apa yang dikatakan mengenai masalah itu, akan dapat diatasi," katanya kepada pemberita selepas melancarkan *Le Mans Series In Paradise Malaysia*, di sini, semalam.

Beliau ditanya sama ada masalah pemecatan Setiausaha Umno Bahagian Kuala Kedah, Datuk Abdullah Hasnan Kamaruddin Rabu lalu, boleh menjejaskan peluang kemenangan BN bagi menghadapi pilihan DUN Lunas.

Mengikut laporan, Abdullah Hasnan dipecat dengan alasan tidak lagi menyumbang kepada kepentingan parti.

Pilihan raya kecil Lunas diadakan berikutan kematian wakil rakyatnya, Dr Joe Fernandez yang ditembak ketika memandu dalam perjalanan pulang dari kliniknya, di Bukit Mertajam, Pulau Pinang, Sabtu lalu.

Abdullah yang juga Timbalan Perdana Menteri berkata, keyakinan mempertahankan kawasan DUN Lunas itu berdasarkan kawasan itu sememangnya milik BN sebelum ini.

Mengenai kenyataan Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu bahawa parti pembangkang mungkin menggunakan isu agama dalam kempen mereka, Abdullah berkata, beliau kecewa jika isu agama menjadi pendekatan parti pembangkang.

"Saya harap isu itu tidak akan digunakan kerana yang penting, siapa yang menjadi wakil rakyat, mestilah berkebolehan dan ada sokongan kuat daripada partinya," katanya.

Menurutnya, parti pembangkang tidak sepatutnya menumpukan kepada isu agama yang pernah dicituskan dalam kempen pilihan raya kecil Parlimen Teluk Kemang lalu.

"Itu yang sebenarnya patut menjadi isu. Bukannya isu yang ada hubung kait dengan agama seperti apa yang berlaku di Teluk Kemang dulu iaitu isu penggunaan surau dan kuil. Itu bukan isu dan ia tak sepatutnya digunakan," katanya.

Ditanya sama ada BN lebih berminat bertembung dengan calon Pas, DAP dan Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Abdullah berkata: "Itu hanya soal pilihan, siapa nak lawan, (kita) lawanlah. Kita tetap akan meletakkan calon kita. Tiada masalah siapa sekali pun."

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Pengerusi BN berkata, calon MIC mungkin dipilih untuk bertanding mempertahankan kerusi Lunas.